

# Sejauh mana anda kenal Singapura? Usah terkejut dengan fakta yang didedah

TAHUKAH anda apa komoditi makanan yang paling banyak Singapura hasilkan?

Jawapannya: Telur ayam!

Pada 2012, Singapura menghasilkan lebih 24,000 tan telur. Ini diikuti sayur-sayuran segar sekitar 20,000 tan, bayam 2,200 tan dan telur burung 1,200 tan.

Perangkaan tersebut didedahkan dalam buku *Singapore 365* terbitan Husken-Ulbrich Books November lalu.

Menurut editor bersama buku itu, Encik Amin Zainotdini, isi kandungan *Singapore 365* merangkumi 20 peratus maklumat lucu atau menghiburkan, manakala baki 80 peratus merupakan maklumat serius.

Selain bab pertanian, buku tersebut memaparkan fakta menarik lain.

Antaranya ialah tahap kegembiraan warga Singapura sebenarnya lebih tinggi berbanding warga Asia Tenggara lain pada muka surat 227.

Fakta itu mampu menyangkal dakwaan laporan yang pernah membuat warga Singapura 'panas' apabila negara ini dilabel sebagai negara paling tidak gembira di dunia pada 2012.

Antara isu 'serius' pula ialah berkenaan puasa Ramadan yang bermula pada 10 Julai dalam 2013 di muka surat 186 dan 187.

Apa yang menarik ialah pembaca boleh menerbit grafik dalam bentuk gelombang frekuensi.

Gelombang itu menjelaskan kaitan waktu solat dan waktu berpuasa buat orang Muslim.

Pada dua muka surat selanjutnya, pembaca boleh menekuni perangkaan berkaitan isu hubungan antara agama dan kaum.

Ikuti juga wawancara bersama tokoh-tokoh Singapura seperti Speaker Parlimen Cik Halimah Yacob, pengarah filem Encik Anthony Chen, dan pensyarah bidang ekonomi Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Profesor Hoon Hian Teck.

Dalam wawancara bersama Cik Halimah, para sukan penulis mencungkil perasaan dan cabaran melayari pengalaman sebagai Speaker wanita pertama Singapura.

Encik Anthony Chen pula menceritakan betapa sukarnya mencari pelakon yang sesuai bagi filemnya *Ilo Ilo*.

Sebelum menamatkan pembacaan, jangan lupa lihat lukisan pada kulit buku.

Jika mata anda tajam, pasti anda dapat melihat kereta lumba Formula 1 yang sedang ikut beratur di belakang bas SBS Transit; kucing yang tidur lena di taman permainan; penutupan Lau Pa Sat ketika dirancang menjalani kerja baik pulih; dan Hab Sukan yang masih dalam proses pembinaan.

Paling mencuit hati ialah dua lelaki yang sedang menyanyi sambil memetik gitar di kolong blok pada kulit belakang buku! ► **NURUL AIN RAZALI**